

## LAWATAN KERJA YBHG. DATO' KETUA PENGARAH PERTANIAN KE JABATAN PERTANIAN NEGERI KELANTAN



Penulis / Foto : Abdul Hadi Bin Hj. Mustapa Kamar

Lundang, 20 November - Dato' Ahmad Zakaria Bin Mohamad Sidek, Ketua Pengarah Pertanian (KPP) telah membuat lawatan kerja di Jabatan Pertanian Negeri Kelantan. Di mana YBhg Dato' KPP telah dibawa melawat usahawan dan pengusaha bimbingan Jabatan Pertanian di Jajahan Machang dan Jajahan Kota Bharu.

Dato' KPP telah diiringi oleh Timbalan Pengarah Kelantan (Operasi) dan Pengarah-Pengarah Bahagian, Jabatan Pertanian telah pergi melawat di beberapa tempat pengusaha dan usahawan bimbingan Jabatan Pertanian Negeri Kelantan.

Di antara tempat yang telah dilawati adalah pengusaha Industri Asas Tani di Jajahan Machang. Di sini, hampir kesemua usahawan di bawah bimbingan Daerah Jajahan Machang telah dilawati. Pelbagai produk dan hasil Asas Tani telah dilawati oleh Dato' KPP.

Seterusnya, Dato KPP telah melawat ke Kilang membuat murtabak yang dikenali dengan gelaran “Murtabak Raja” di Jajahan Kota Bharu. Dato’ KPP dan semua Pegawai yang hadir telah diberi penerangan serba sedikit tentang pengusaha Murtabak Raja. Setelah sesi penerangan selesai, Dato’ KPP dibawa ke tempat pembuatan dan pembungkusan Murtabak Raja dan menikmati juadah yang disajikan untuk merasai kelazatan Murtabak Raja.

Berikut merupakan seba sedikit maklumat pengusaha yang dilawati:

- Syarikat Zairah Industries Sdn. Bhd
  - ❖ Raja Zairah Bt Raja Zakaria
  - ❖ Produk Murtabak & Roti Canai segera
  - ❖ Bermula menceburi sejak 2003 kecil-kecilan dan pada tahun 2008 (Bermula di kilang)

(Sila Berhubung dengan Jabatan Pertanian Negeri Kelantan untuk maklumat yang lebih lanjut)

Kemudian, Dato’ KPP telah dibawa untuk melawat tempat memproses Durian Crepe di Pengkalan Chepa, Jajahan Kota Bharu juga. Di tempat ini, semua pegawai yang ada, dapat melihat cara-cara membuat Durian Crepe dan Mille Crepe.

Berikut merupakan serba sedikit maklumat Pengusaha yang dilawati:

- Bengkel Industri Asas Tani Durian Crape
  - ❖ Rosathma Zuhra Bt Mohd Ghazali
  - ❖ Produk Durian Crepe & Mille Crepe(Bermula Sept 2017)
  - ❖ Bermula menceburi pada tahun 2012

(Sila Berhubung dengan Jabatan Pertanian Negeri Kelantan untuk maklumat lebih lanjut)